

KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKILIM

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) BAGI
KERJASAMA DALAM PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR
ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK
DENGAN BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD

7 Mei 2019

Selaras dengan inisiatif Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu *Engaging The Industry Program - Environmental Sustainability Manager*, JAS telah mengambil pendekatan dengan menjalinkan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) dengan pihak industri, Institut Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan/ Latihan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Bagi Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar antara JAS Negeri Sarawak dan Bintulu Port Holdings Berhad diadakan pada 7 Mei 2019 bertempat di Hilton Hotel, Kuching.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Bintulu Port Holdings Berhad pernah diadakan pada tahun 2013. Hari ini sekali lagi, memeteraikan Memorandum Persefahaman setelah lima (5) tahun lebih berlalu.

Dengan termeterainya perjanjian MoU antara JAS Sarawak dengan Bintulu Port Holdings Berhad pada hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan 11 organisasi di Negeri Sarawak menandatangani MOU dengan JAS Negeri Sarawak.

MOU ini memfokuskan kepada dua intipati utama iaitu melaksanakan dan mempromosikan aktiviti/program kesedaran alam sekitar serta melaksanakan, menggalakkan dan meningkatkan penyertaan keahlian dalam program Rakan Alam Sekitar. Ia berfungsi sebagai suatu pernyataan persefahaman dan hasrat untuk bekerjasama antara satu sama lain di mana pihak-pihak yang menandatangani MOU ini tidak terikat kepada apa-apa tanggungan atau liabiliti secara perundangan.

Pada setiap tahun, Bintulu Port Holdings Berhad telah menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan program alam sekitar, di mana ia merangkumi program latihan, kesedaran, operasi dan juga aktiviti yang melibatkan perihal alam sekitar. Ini membuktikan Bintulu Port Holdings Berhad bersungguh-sungguh serta komited dalam membantu menjaga serta memulihara alam sekitar.

Antara program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Bintulu Port Holdings Berhad adalah kerjasama dengan Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk mewujudkan satu (1) *blueprint* yang dikenali sebagai *Smart Digital Green Port*, yang bermatlamat mewujudkan menjadikan Bintulu Port sebagai sebuah pelabuhan yang “Zero Carbon” menjelang tahun 2030. Ia sekaligus akan menjadikan Bintulu Port sebagai pelabuhan pertama di Asia Tenggara yang mencapai tahap “Zero Carbon Port”.

Pelbagai program serta inisiatif telah pun direncanakan bagi merealisasikan matlamat yang ingin dicapai. Antaranya *Carbon Footprint Assessment*, *Pollution Control technology program*, Pelaksanaan 5S dan lain-lain lagi. *Carbon Footprint Assessment* memperlihatkan usaha Bintulu Port Holdings Berhad dalam memantau keadaan udara di kawasan pelabuhan dan dalam masa yang sama memastikan langkah-langkah pembaikan kualiti udara akan diambil bagi mengatasi sebarang masalah yang melibatkan kawalan udara di kawasan pelabuhan itu sendiri.

Bintulu Port Holdings Berhad juga menganjurkan *Workshop Housekeeping Campaign*, pada setiap suku tahun dan merupakan inisiatif syarikat untuk memastikan keadaan bengkel serta tempat kerja sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Pengurusan Bahan Buangan Terjadual yang sistematik juga dilihat sebagai satu platform yang membuktikan Bintulu Port Holdings Berhad mengambil berat berkenaan pembuangan Bahan Buangan Terjadual yang merupakan salah satu isu paling penting dalam usaha untuk memelihara alam sekitar.

Pencemaran udara dan air juga sentiasa dipantau pada setiap masa oleh pihak yang telah dilantik oleh syarikat. Pada setiap suku tahun, program *Environmental Monitoring* akan dijalankan di pelbagai tempat yang dikenal pasti sebagai tempat berpotensi yang boleh mengakibatkan pencemaran.

Bintulu Port Sdn. Bhd. juga telah mengadakan perbincangan bersama semua kontraktor yang menjalankan aktiviti di kawasan Multipurpose Terminal. Pihak kontraktor diwajibkan untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan iaitu setiap lori yang membawa muatan berlebihan daripada had dibenarkan akan diambil tindakan oleh pihak Bintulu Port Holdings Berhad. Penguatkuasaan ke atas pematuhan had muatan perlu dilaksanakan kerana ia merupakan salah satu penyumbang kepada pencemaran udara dan air.

Memorandum Persefahaman yang dimeterai pada hari ini adalah tanda sokongan padu dan tidak berbelah bagi Bintulu Port Holdings Berhad terhadap usaha pihak Kerajaan dalam merealisasikan matlamat negara iaitu menjadi negara yang penuh dengan keindahan alam flora dan ia akan dinikmati oleh generasi pada masa akan datang kepada semua pihak.

